

17/05/2005

Najib-Israel

ISRAEL ANGKUH HALANG DR MAHATHIR MASUK BAITULMAQDIS, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak membidas tindakan kerajaan Israel menghalang bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad daripada memasuki Baitulmaqdis semasa melawat Tebing Barat semalam.

Sambil menyifatkan tindakan Israel itu sebagai angkuh, Timbalan Perdana Menteri berkata: "Baitulmaqdis bukan milik mereka (Israel)...ia sebuah bandar terbuka yang boleh dikunjungi sesiapa."

Dr Mahathir tidak mempunyai sebarang niat semasa membuat lawatan ke sana melainkan untuk memahami keadaan sebenar dan melihat sendiri situasi di Tebing Barat, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pertahanan 2005 di sini, hari ini.

"Dr Mahathir secara tidak langsung hanya mahu membantu mencari satu penyelesaian politik sejajar dengan keputusan dunia antarabangsa yang mahu keamanan wujud di Palestin," kata Najib, yang juga Menteri Pertahanan.

Laporan agensi berita asing memetik Perdana Menteri Palestin Ahmed Qorei sebagai berkata Dr Mahathir dilengahkan selama sejam di pusat menyeberang sempadan Allenby dari Jordan ke Tebing Barat.

Pihak berkuasa Israel yang menguasai pintu masuk ke bandar-bandar Tebing Barat dan sempadan ke Jordan dilaporkan memberikan alasan bahawa mereka tidak menerima pemberitahuan awal tentang ketibaan Dr Mahathir.

Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel.

Majlis Perbandaran Jenin pula dilaporkan berkata Dr Mahathir diundang untuk melawat bandar itu bagi meninjau kemusnahan akibat kebangkitan rakyat Palestin sejak lima tahun lalu.

Dr Mahathir juga diminta mengetuai satu kempen antarabangsa bagi membina semula bandar itu, katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan membenarkan rakyatnya melawat Israel, Najib berkata "kini bukan masanya".

-- BERNAMA

HM MFJ DC RHM